

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

FEL 207 Pengantar Kepada Ubat-Ubatan Tradisional

Masa: (2 jam)

---

Kertas ini mengandungi LIMA (5) soalan dan 4 muka surat yang bertaip.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Bincangkan persamaan dan perbezaan perubahan-perubahan yang berlaku di negara-negara barat dan di Malaysia dalam bidang pengubatan dari zaman perubatan tradisional hingga ke zaman perubatan moden.
- (B) Senaraikan prinsip-prinsip bagaimana haiwan boleh digunakan untuk menapis uji farmakologi ekstrak-ekstrak tumbuhan. Berikan satu contoh untuk setiap prinsip.

(25 markah)

2. Terangkan dengan ringkas cara mengesan ciri-ciri ketoksikan suatu ekstrak tumbuhan yang telah lulus tapis uji farmakologi.

(25 markah)

... 3/-

3. (A) Terangkan faktor-faktor yang perlu diperhatikan dan dipertimbangkan dalam penanaman tumbuhan ubat terutamanya yang berasal dari tumbuhan liar. Berikan contoh-contoh di mana sesuai.
- (B) Terangkan cara penyimpanan drug mentah supaya tahan lama.

(25 markah)

4. Tulis catatan ringkas tentang ubatan tradisional berikut terutama dari segi kegunaan terapeutik, kandungan kimia dan mekanisme tindakannya.
- (a) Jintan manis (Pimpinella anisum)
  - (b) Minyak jarak (castor oil)
  - (c) Ma huang (ephedra)
  - (d) Kemenyan Sumatra (benzoin)
  - (e) Buah pala (Myristica fragrans)

(25 markah)

...4/-

5. Ubatan tradisional hanya akan diluluskan pendaftarannya oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) jika ubatan tradisional tersebut memenuhi kriteria "selamat, berkesan dan bermutu".
- (a) Huraikan lebih lanjut apakah yang dimaksudkan oleh PBKD dengan perkataan "selamat, berkesan dan bermutu".
- (b) Bincangkan kebaikan dan keburukan akibat dari pelaksanaan kriteria ini terhadap perusahaan ubatan tradisional.

(25. markah)